

Kesanggupan membayar penambahbaikan taraf perkhidmatan air di Kuala Terengganu

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan kesanggupan membayar \rightarrow willingness to pay \emptyset (WTP) bagi pengguna domestik di daerah Kuala Terengganu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan air pada masa hadapan. Perkhidmatan air perlu diuruskan secara berkesan berdasarkan penetapan harga air yang cekap memandangkan sebarang peningkatan dalam perkhidmatan air akan melibatkan kos operasi yang sangat tinggi. Kaedah Penilaian Kontinjen (CVM) telah digunakan dalam menentukan kesanggupan membayar para pengguna terhadap harga baharu air yang ditawarkan dan seramai 400 orang pengguna domestik di daerah Kuala Terengganu telah terlibat dalam kajian ini. Model Logit telah digunakan dalam menganalisis data yang diperolehi daripada temu ramah yang dijalankan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktpr seperti harga tawaran air yang baharu dan pendapatan isi rumah memaparkan hubungan yang signifikan terhadap kesanggupan untuk membayar para pengguna di daerah tersebut. Purata kesanggupan membayar bagi harga air yang baharu adalah sebanyak RM 0.60 pada 30m³ yang pertama dan harga baharu tersebut adalah lebih tinggi daripada harga air semasa yang ditawarkan. Harga baharu boleh disyorkan untuk menambahbaik taraf dan membangunkan perkhidmatan kepada tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang dalam memenuhi keperluan pengguna yang sering meningkat setiap tahun.

Keyword: Willingness to pay; Contingency valuation method (CVM); Logit model; Water supply services; Terengganu